

Gema Sabah sambut baik pelantikan Dr Kamaurudin sebagai Naib Canselor UMS

Neil Chan DE 18.6.2017 3
KOTA KINABALU: Gabungan Muda Sabah (Gema Sabah) menyambut baik berita pelantikan rakyat Sabah Prof Dr Kamaurudin Mudin sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah.

Pengerusi Gema merangkap Ketua Pemuda SAPP, Jamain Sarudin berkata pelantikan Kamarudin sebagai Naib Canselor baharu oleh Kementerian Pendidikan Tinggi adalah berita baik untuk belia Sabah kerana pelantikan itu adalah sejajar dengan hak Borneonisasi seperti yang disenaraikan di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

Jamain berkata demikian semasa satu sidang media di ibu pejabat Gabungan Sabah di Pusat Komersil Millennium, di sini pada Jumaat lepas.

Beliau berkata Gema Sabah turut mengumumkan pembatalan Program Perhimpunan Solidariti Rakyat Sabah untuk menghantar satu petisyen bagi menuntut seorang anak negeri Sabah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) di mana penyerahan petisyen itu dijadualkan pada jam 2 petang pada Jumaat dan telah mengumpul 4,209 tandatangan.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih

kepada semua pihak berkaitan terutamanya Kementerian Pendidikan atas pelantikan seorang rakyat Sabah untuk jawatan itu dan mengucapkan tahniah kepada Prof Dr Kamaurudin atas pelantikannya."

Gema Sabah turut menggesa agar hanya rakyat Sabah dilantik sebagai Naib Canselor UMS pada masa akan datang.

"Kami tidak mahu kes di mana seorang bukan rakyat Sabah menjadi Naib Canselor selepas ini pada masa hadapan. Kami juga mahu semua jabatan persekutuan atau negeri di Sabah, agar pengarah atau pegawai penting mesti seorang rakyat

Sabah."

Beliau berkata Gema juga akan mengkaji semula mana jabatan kerajaan di negeri ini yang masih diketuai oleh seorang bukan rakyat Sabah dan mengambil tindakan lanjut untuk menuntut situasi itu ditangani.

"Kami tidak akan berhenti bercakap tentang hak Borneonasi kerana banyak jawatan jabatan dan agensi negeri dan persekutuan di negeri ini masih dipenuhi oleh bukan Sabah."

Timbalan Pengerusi Gema (Ketua Pemuda Parti Harapan Rakyat Sabah) merangkap Pengerusi Penganjur Petisyen

UMS, Jovilis Majami berkata beliau gembira dengan pelantikan seorang naib canselor rakyat Sabah kali ini.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pemimpin kanan, terutamanya kepada Pengerusi Gabungan Sabah Datuk Mohd Noor Mansoor dan juga SAPP, Star, Harapan Rakyat dan PPRS kerana memberikan sokongan terhadap usaha itu.

Sementara itu, Gema Sabah turut berkata mereka akan membantah sebarang perancangan untuk menutup institut pendidikan guru di Gaya dan Keningau seperti penutupan institut pendidikan guru di Sandakan.